

25/10/2003

Asyik lenggok penari Asean

Intan Rohaizat Zakariya

KOMBINASI tiga unsur utama, tarian, muzik dan nyanyian nyata memberi impak

besar kepada lebih 5,000 pengunjung upacara penutup Festival Kesenian Asean 2003 di Dataran Merdeka Sabtu lalu.

Lenggok penari yang mewakili 11 negara begitu mengasyikkan sekali gus membawa penonton menyelami keindahan warisan budaya Asean.

Majlis yang dimulakan dengan tarian pembukaan penari Istana Budaya bukan

sekadar menonjolkan baju tradisional malah gerak tari klasik rakyat Malaysia yang begitu indah. Lebih menarik, penari membawa 11 bendera negara Asean tanda simbolik mengucapkan selamat datang kepada delegasi luar negara.

Sejurus itu, Mahathir Lokman selaku pengacara muncul memperkenalkan negara yang menghiburkan penonton pada malam itu. Uniknyanya sesi ini berlangsung dengan cara tersendiri, setiap negara membuat sedutan persembahan untuk memperkenalkan diri.

Kemeriahan diteruskan dengan tarian tradisional Brunei Darussalam yang diwakili kumpulan Senandung Darussalam. Gerak penari dan irama muzik nampak begitu serasi. Gadis genit kemudian membawa keris mempersembahkan tarian yang melambangkan kedaulatan negara mereka.

Delegasi Kemboja tidak kurang hebatnya dan dengan tarian warisan yang menjadi lambang ketinggian seni negara itu. Dua segmen dipersembahkan oleh

National Cultural Troupe of Cambodia iaitu tarian istana dalam bentuk ritual.

Aspara Dance dimulakan dengan tiga pemuzik yang meniup alat muzik ala seruling panjang, menyusul kemudian lenggok tarian yang lemah gemalai daripada tiga penari dengan busana hijau bersulam indah. Tambah menarik, hiasan kepala berbentuk kipas melambangkan kehalusan seni kraf tangan Kemboja.

Indonesia yang terkenal dengan pelbagai tarian tradisi klasik turut beraksi mantap. Gabungan pakaian tradisional, lenggok tari dan alunan suara penyanyi latar mencuri perhatian penonton. Persembahan Hapsari Grup

nyata tidak mengecewakan.

Penonton berpeluang menyaksikan tarian kebanggaan Indonesia seperti Jaipongan, Kecapi dan Rampak Kendal yang mempunyai gerak tari unik.

Persembahan dimulakan dengan tarian Jaipongan yang berasal dari

Kerawang,

diikuti tarian Jawa Barat yang agak agresif mengimbas nostalgia Ratu Jaipong, Camelia Malik.

Kehangatan malam diteruskan dengan persembahan Thailand oleh The Thai Dance Troupe. Tarian klasik Ham Rong dan Pranarai Raning Krat adalah simbolik menghantar Visnu yang menunggang garuda.

Kemunculan penari yang memakai topeng mirip burung dan berkepak mendapat

tepuhan gemuruh penonton. Turut dipertontonkan ialah tarian Rum Sat Chatri

Fon Tien, Pu Thai dan Tiut yang berasal dari utara Thailand.

Sebagai tuan rumah, Malaysia tidak ketinggalan mempamerkan warisan kesenian tarian yang mewakili budaya pelbagai kaum. Persembahan tarian tradisional Melayu, Makan Sirih yang ditujukan kepada wira negara mendapat

tepukan gemuruh hadirin. Manakala tarian Inang Simpul dan Zapin dengan iringan muzik yang agak rancak membangkitkan mood penonton untuk turut berdansa.

Sesuai dengan imej masyarakat majmuk, Malaysia Cultural Dance Troupe juga mempersembahkan tarian kebudayaan masyarakat Cina, India dan suku kaum di Sabah serta Sarawak.

Penari Korea pula nampak anggun dengan pakaian tradisional mereka, manakala Laos menyerlah dengan pakaian tradisi yang seiras dengan sari. Negara lain yang turut mengambil bahagian pada festival Kesenian Asean ialah Myanmar, Filipina, Singapura, Jepun dan Vietnam.

Pujian seharusnya diberikan kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia (KKKPM) kerana berjaya menganjurkan acara yang mengungkap kehalusan seni tarian tradisi negara Asean. Ia juga

dilihat sebagai usaha memartabatkan budaya serumpun agar tidak terus ditelan zaman.